

BAB
KELIMA

BAB V

PENUTUP

A. Kesimpulan

Penulis dapat segera menarik satu kesimpulan umum daripada hasil kajian di beberapa Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat, iaitu: Madrasah yang dijadikan sampel di dalam kajian ini telahpun melaksanakan tugas dan fungsinya sebagai institusi pendidikan Islam dengan segala kekurangan dan kelebihan.

Secara lebih terperinci, penulis dapatlah membuat beberapa kesimpulan daripada seluruh pembahasan tentang pola pengembangan fitrah beragama di beberapa Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat Indonesia ini, iaitu :

1. Sebagai institusi milik penuh kerajaan Republik Indonesia maka tidak hairanlah kalau polisi dan pengelolannya dikendalikan sepenuhnya oleh kerajaan, sama ada berkaitan kurikulum, penyediaan guru mahupun perkara-perkara lain yang berhubungan proses pendidikannya.
2. Sejak awal penubuhannya, madrasah di Indonesia muncul atas kesedaran umat Islam Indonesia untuk mendidik generasinya. Pola pendidikannya tidak sahaja bersifat pembinaan aspek intelektual sahaja tetapi juga pembinaan aspek keimanan yang merangkumi kepercayaan kepada Allah s.w.t. dan kesedaran serta keinsafan untuk melaksanakan perintahNya dan menjauhi segala laranganNya.

3. Dengan demikian, proses pendidikan yang dikembangkan di beberapa Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat sehaluan dengan fitrah bawaan manusia. Sejak dilahirkannya, manusia telahpun membawa fitrah tauhid. Ianya merupakan anugerah Tuhan yang dijadikan bekal untuk melaksanakan tugas kehambaan dan kekhalifahannya di muka bumi.
4. Usaha pembentukan pelajar ke arah itu di mulai dengan melakukan penyempurnaan kurikulum daripada semasa ke semasa, sehingga ianya mampu membuat rumusan kurikulum Madrasah Aliyah Negeri yang sesuai dengan tuntutan dan perkembangan zaman, namun pada masa yang sama pula mengutamakan prinsip akidah dan keyakinan terhadap Pencipta `alam raya ini.
5. Sesuai dengan kurikulumnya, penyampaian pelajaran di dalam kelas sentiasa menggunakan metode-metode yang bersesuaian dengan sukatan pelajaran yang diajarkan. Metode penyampaian yang sering digunakan ialah ceramah, soal jawab, penugasan (*assignment*), demonstrasi, latihan praktikal (*drill method*), metode pemecahan masalah (*problem solving method*) dan diskusi. Untuk mendidik rasa keberagamaan pelajar, guru sentiasa memulai dan mengakhiri pelajaran dengan bacaan doa dan pada masa yang sama pula memberikan nasihat-nasihat keagamaan berhubung dengan pelajaran yang diajarkan, agar pelajar sentiasa mempunyai kesedaran terhadap tanggung jawab ketuhanan yang perlu dilaksanakannya.

Strategi mengkomunikasikan pelajaran agama Islam, pada asasnya merupakan usaha yang berencana dan terprogram sehingga mampu

mengembangkan potensi fitrah beragama. Ianya bukan sahaja melahirkan pelajar yang cerdas secara intelektual sahaja tetapi juga anggun serta tinggi dalam berakhlak dan berkepribadian.

6. Sebagai madrasah⁴ milik kerajaan, Madrasah Aliyah Negeri mempunyai prasarana pendidikan yang cukup memadai dan penyusunan situasi fizikalnya telahpun dikelola secara kemas. Penyusunan lingkungan madrasahnyanya sentiasa memperhatikan aspek keindahan, keamanan dan keselesaan. Bahkan disetiap sudut bangunan ditemukan banyak tulisan yang berisikan ajakan dan pesanan agar sentiasa hidup berdisiplin, rajin belajar dan menghormati waktu. Bahkan di setiap pintu masuk kelas terpampang tulisan *lā Ta dkhulū qabla al-salām*. Ianya sangat penting dalam menciptak iklim madrasah yang sesuai untuk mengembangkan fitrah beragama pelajar. Dengan cara seperti itu, pelajar akan mampu memahami dan menghayati nilai-nilai yang terkandung dalam pesanan-pesanan yang terpampang di madrasah tempat mereka belajar.
7. Di setiap madrasah berdiri sebuah masjid yang sentiasa dijadikan tempat beribadah. Di samping sebagai tempat sembahyang, di masjid pula para pelajar melakukan beberapa aktiviti positif, sama ada yang berhubung dengan akademik mahupun kegiatan ko-kurikulum. Mereka melakukan sembahyang berjamaah, musyuarat, diskusi serta kegiatan positif lainnya. Kedekatan pelajar kepada masjid dengan melakukan pelbagai aktiviti seperti itu mampu menyedarkan mereka terhadap fitrah beragama yang telah dimilikinya.

8. Pendekatan keagamaan dalam membentuk personaliti pelajar amatlah penting dalam mendidik mereka. Di madrasah Aliyah Negeri usaha ini sentiasa dilakukan dengan ketatnya penerapan disiplin dalam melaksanakan sembahyang. Guru sentiasa menegur, memberi saranan dan nasihat bahkan mengenakan tindakan disiplin madrasah kepada para pelajar yang didapati tidak melaksanakan sembahyang, paling tidak ketika mereka sedang berada disekitar madrasah. Di samping itu, para pelajar dikenakan peraturan untuk memakai pakaian yang menutup aurat sama ada untuk pelajar lelaki mahupun perempuan.

Pengurusan program ko-kurikulum di madrasah ini sentiasa mengutamakan aspek pembinaan keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t. Perkara ini terbukti bahawa kegiatan apapun yang diselenggarakan, sama ada OSIS (Organisasi Pelajar Itra Sekolah), Pramuka (pengakap), Palang Merah Remaja (bulan sabit merah) mahupun aktiviti yang lainnya sentiasa diisi oleh program-program yang mengandungi nilai-nilai kemanusiaan dan ketuhanan. Perkara ini penting dilakukan sebagai usaha menyedarkan manusia terhadap kewajipan mereka pada sesama mahupun terhadap Tuhannya.

9. Dalam usaha mengembangkan fitrah beragama, pola komunikasi antara guru dan pelajar dilakukan dengan memberikan contoh (*uswah hasanah*) dalam berakhlak, pemberian nasihat (*mau'izah hasanah*) dan membiasakan pelajar menjunjung tinggi prinsip kedisiplinan. Usaha tersebut dilakukan dengan terprogram dan terencana untuk mencapai matlamat pendidikan yang diharapkan.

Disiplin merupakan perkara yang amat penting. Ianya dapat difahami kerana madrasah sebagai institusi pendidikan formal terikat dengan sejumlah peraturan formalnya. Disiplin di lokasi kajian merupakan penegakan nilai-nilai Islam, sekurang-kurangnya kedisiplinan itu akan menegakkan nilai-nilai asas dalam kehidupan umat Islam, seperti persamaan darjat (*al-musawah*), kemerdekaan (*al-hurriyah*), dan *persaudaraan* (*al-ukhuwah*). Dengan prinsip ini akan terbentuk suatu ikatan yang kokoh dan saling bertolak ansur sehingga hubungan antara guru dan pelajar dapat terbina dengan baik. Bagi pelajar sendiri, mentaati peraturan tidak dirasakan sebagai kewajipan yang membebankan tetapi semua peraturan itu dilaksanakan atas kesedaran sendiri. Ketauladanan, nasihat yang baik dan membiasakan perkara-perkara yang baik sentiasa dilakukan oleh guru terhadap pelajar di madrasah tidak sahaja menjayakan program madrasah tetapi juga dalam rangka menunaikan kewajipan kepada Allah s.w.t. Dengan pola komunikasi seperti itu akan melahirkan sikap dan mental pelajar yang diisi oleh nilai-nilai agama, dan pada masa yang sama pula terdidik kecerdasannya sehingga diharapkan selepas habis belajar daripada madrasah ini mereka mempunyai bekalan ilmu pengetahuan, ketrampilan yang cukup dan akhlak serta mental yang tangguh dalam menghadapi cabaran zaman yang kini semakin berat.

B. Saranan

Untuk menutup pembahasan ini, penulis memandang perlu menyampaikan beberapa saranan, iaitu:

1. Dalam usaha mengembangkan fitrah beragama, diperlukan polisi yang jelas daripada kerajaan Republik Indonesia untuk menunjukkan keseriusannya dalam mendidik anak bangsanya. Perkara ini sangat penting, memandangkan Madrasah Aliyah Negeri (MAN) sering dianggap sebagai institusi pendidikan nombor dua setelah Sekolah Menengah Umum (SMU). Di samping itu, perlu ada usaha yang sungguh-sungguh dalam menyediakan kelengkapan pendidikan untuk meningkatkan mutu madrasah, sama ada yang bersifat penyediaan prasarana pendidikan yang memadai mahupun penambahan jumlah guru.
2. Mendidik keagamaan pelajar merupakan tanggung jawab semua guru yang terlibat di madrasah. Ianya bukan sahaja tanggung jawab guru Pendidikan Agama Islam sahaja tetapi juga semua guru, walaupun mereka mengajar pelajaran yang lain.
3. Orang pertama yang bertanggung jawab dalam mendidik anak ialah orang tuanya sendiri. Oleh itu ketika orang tua telah menghantar anaknya ke madrasah bukan bererti tugas dan tanggung jawabnya telah selesai, tetapi para orang tua masih sangat diperlukan untuk mendidik anaknya, apaiagi ketika anak berada di rumah. Dalam mendidik dan membiasakan amalan keagamaan peranan orang tua sangatlah mustahak khususnya dalam mengawasi dan mengarahkan anaknya agar melaksanakan perintah Tuhan yang perlu dilakukannya.

4. Kepada masyarakat pula perlu menyediakan iklim yang sesuai dengan nilai-nilai keagamaan. Sebab walau macam mana hebatpun pendidikan di madrasah, kalau tidak didukung oleh lingkungan masyarakat maka matlamat pendidikan tidak akan berjaya. Di samping itu, madrasah mempunyai kemampuan yang² terhad dalam mendidik pelajarnya, sama ada dana, prasarana pendidikan mahupun waktu yang tersedia. Oleh itu peranan masyarakat sangat diperlukan dalam mengaktif dan memfungsikan institusi keagamaan (surau, masjid, majlis *ta' l īm* dan lain-lain) di mana sahaja pelajar itu berada.